

"Tingkat kemahiran Jika Berpeluang"



MyKUKUM kali ini memilih seorang yang tidak asing lagi di KUKUM iaitu Profesor Madya Dr. Ismail Daut merangkap Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik bagi menghiasi ruangan Personaliti MyKUKUM. Beliau bertanggungjawab dalam membangunkan kurikulum Sistem Elektrik dan Elektronik Industri serta Kejuruteraan Mekatronik. Sebelum ini beliau pernah dilantik menjadi Dekan pertama Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan.

Beliau dilahirkan di Sungai Petani, Kedah tanggal 12 April 1956. Ibu bapanya bekerja sebagai penoreh getah. Beliau dikurniakan 5 orang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan pilihan hatinya iaitu Puan Sharipah Kharzaimah. Anak kedua daripada 6 adik beradik ini memulakan persekolahan rendah di Kuala Kedah sehingga darjah 3 dan menyambunginya di Sungai Petani. Beliau mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Khir Johari, Sungai Petani sehingga tingkatan 6. Beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dalam bidang Elektronik dan Teknologi Industri pada tahun 1980.

Perjalanan karier beliau bermula apabila diterima menjadi tutor di Universiti Sains Malaysia. Ketika menjadi tutor, beliau dihantar ke luar negeri di bawah *Academic Staff Training Scheme* bagi melanjutkan pelajaran untuk mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektromagnetik pada tahun 1982 hingga 1994. Sebaik sahaja tamat pengajian beliau ditawarkan sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Universiti Sains Malaysia. Sebagai seorang yang bercita-cita tinggi, Dr Ismail kemudiannya melanjutkan pelajaran di peringkat PHD dalam bidang kejuruteraan Elektrik Kuasa di University of Wales, College of Cardiff, UK. Setelah 13 tahun berkhidmat di Universiti Sains Malaysia beliau telah meletak jawatan dan berkecimpung dalam bidang perniagaan Kontraktor Awam dan Elektrik, serta menjadi pengedar ubatan farmasi. Dr. Ismail juga berpengalaman selama 10 tahun dalam bidang pembinaan bangunan, jalan dan jambatan serta pemasangan kabel elektrik Beliau pernah memiliki 6 buah rangkaian kedai farmasi pada satu ketika dahulu iaitu 3 di Taiping dan 3 lagi di Kamunting, Sungai Petani serta Butterworth.

Dr. Ismail berpegang kepada prinsip hidup iaitu sekiranya sukakan sesuatu tempat beliau akan terus bekerja di situ, namun jika sebaliknya beliau akan berhenti. Menurutnya lagi, beliau tidak takut menghadapi cabaran masa depan kerana sudah bersedia menghadapinya. Beliau juga akan membuat sesuatu kerja buat sedaya upaya yang termampu dan juga bercita-cita tinggi.

Nasihatnya kepada semua staf ialah bekerja bersungguh-sungguh dan setia kepada KUKUM. Dan senantiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengalaman jika mempunyai peluang.

Disediakan oleh : **Suhaidah Said**

